

Mahasiswa bijak, elak dadah; dadah bererti maut!



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

UB 04.04.2012 B4

PENYALAHGUNAAN dadah di kalangan manusia merupakan masalah yang sangat serius pada masa kini. Ia merupakan perkara yang serius kerana dadah telah banyak melibatkan muda mudi zaman sekarang. Masalah dadah merangkumi skop yang sangat meluas, sekali gus memberikan masalah dan kesan kepada manusia dan juga ketamadunan sesebuah pemerintahan di seluruh dunia.

Penyalahgunaan dadah boleh mengakibatkan meningkatnya kadar jenayah dalam masyarakat. Ini berlaku disebabkan para penagih

akan berusaha untuk mendapatkan bahan tersebut walaupun tidak mempunyainya kewangan. Sehubungan itu mereka akan merompak, mencuri, menyamun dan sebagainya. Keadaan tersebut juga boleh membawa kepada tindakan yang di luar kawalan seperti mencederakan orang yang terdekat seperti ibu bapa, adik beradik, isteri dan sebagainya malah juga boleh membunuh sekiranya mereka terdesak untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah.

Malah penagihan dadah juga mungkin bermula daripada menghidu gam atau inhalant yang mana ditafsirkan sebagai perbuatan menghidu bahan hiduan atau sedutan yang boleh meruap (volatile) atau disedut untuk menimbulkan kesan psikoaktif atau

merangsang perubahan minda dan secara langsung akan mengganggu keseimbangan psikologi individu tersebut. Malah mungkin juga bermula dengan rokok, ganja dan juga mungkin bermula dengan pengambilan pil-pil seperti pil estacy, syabu dan sebagainya. Lama-kelamaan bagi penagih mereka akan lebih berani untuk mencuba bahan-bahan yang lebih merangsangkan minda mereka sehinggakan hilang pertimbangan diri dan cenderung melakukan sesuatu di luar kawalan. Oleh sebab itu bagi yang telah lama menjadi penagih dadah mereka boleh membawa kepada masalah mental, mengakibatkan penagih hilang keseimbangan dan keupayaan untuk berfikir secara normal. Ini terbukti apabila terdapat peningkatan

pesakit-pesakit mental di hospital mahupun di jalanan akibat dadah. Ia bukan sahaja menjatuhkan imej sesebuah negara.

Malah masa depan sesebuah negara juga terjejas apabila di kalangan muda mudi yang bakal meneraju sesebuah negara itu terlibat dengan dadah. Gejala yang melibatkan dan menghasilkan wang yang banyak ini menarik minat golongan muda zaman sekarang untuk terjebak dalam aktiviti tidak sihat ini. Aktiviti penjualan kokain dan heroin ini, dilihat sebagai sebab kenapa ramai golongan ini meringkuk di dalam penjara sama ada di dalam mahupun luar negara. Malah ramai di kalangan remaja dan belia telah direkrut untuk menjadi keldai dadah sehinggakan terpaksa meringkuk seumur hidup

di dalam penjara di luar negara, malah ada juga telah dijatuhkan hukuman mati. Namun seolah-olah pelbagai hukuman telah dijatuhkan tidak sedikit pun menggerunkan penjenayah dadah. Umumnya mengetahui bahawa jenayah dadah sukar dibendung kerana ia melibatkan rangkaian antarabangsa dan terpaksa melibatkan polis antarabangsa. Namun begitu untuk memastikan para belia terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi tidak terjerumus ke lembah jenayah dadah maka pihak Institusi Pengajian Tinggi melalui Sekretariat Majlis-majlis Timbalan-Timbalan Naib Canselor Hepa/Rektor IPTA UMS, telah bekerjasama dengan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Kelab Pemadam UMS dan Pemadam Negeri Sabah

menganjurkan program 'Cekal' Pencegahan Dadah di IPT 2012 yang akan berlangsung di Galeri Majlis Universiti Malsysia Sabah selama sehari pada 5hb April 2012.

Dengan kaedah tersebut akan dapat mengumpul para pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang lain untuk sama-sama mendapat ilmu pengetahuan dan bekerjasama dalam membenters penyalahgunaan dadah di kalangan mahasiswa mahupun masyarakat di negeri Sabah. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab kepada setiap orang untuk memastikan orang yang disayangi terutamanya anak, adik-beradik, sanak saudara dan jiran tetangga tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dadah bererti MAUT.